


Berita Ba@UTeM



www.utem.edu.my | edisi Mac & April 2014

Jalinan Kasih Pelarian **syria** di Bumi Jordan



ISSN 1985 - 4706



9 771985 470003



EUROPEAN BUSINESS ASSEMBLY

EUROPEAN BUSINESS ASSEMBLY

MIDDLE EASTERN ENTREPRENEURIAL AWARDS



Jalinan Kasih Pelarian **syria** di Bumi Jordan

Oleh: Ahmad Saufi Ahmad Jawahir

Pada 14 hingga 20 Mac 2014 telah berlangsungnya Program 'Jalinan Kasih Pelarian Syria di Bumi Jordan' anjuran UTeM dan HALUAN Malaysia. Program ini julung kalinya dianjurkan untuk mengadakan misi kemanusiaan di Jordan bagi membantu rakyat Syria yang dalam kesusahan.

Dianggarkan lebih satu juta pelarian rakyat Syria berada di Jordan bagi mendapatkan perlindungan disebabkan keadaan yang amat berbahaya akibat penindasan dari rejim Bashar Al-Assad.

Tiga delegasi UTeM iaitu Dr. Radzuan Bin Nordin (Pegarah Pusat Islam), Ahmad Saufi Ahmad Jawahir (Mantan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar 2010/2011, wakil Alumni UTeM) dan Muhammad Zharif Md Zaidon (Timbalan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar 2013/2014) menyertai misi itu.

Bantuan yang disumbangkan termasuklah makanan, ubat-ubatan dan keperluan pakaian musim sejuk. Sumbangan terkumpul sebanyak RM68 ribu daripada UTeM dan RM50 ribu daripada HALUAN (jumlah keseluruhan RM118 000) telah disampaikan secara terus kepada pelarian Syria melalui Islamic Charity Care Society (ICCS) iaitu institusi kebajikan terbesar di Jordan.

Dana ini telah diagihkan kepada pelarian Syria di Kem Pelarian Sakan Karamah, Markas Ramtha, Markas Dzil di Zarqa', pusat anak yatim terbesar di Jordan dan beberapa individu mangsa kekejaman yang mengalami kecederaan atau kecacatan kekal manakala di Sakan Karamah, pihak UTeM dan HALUAN telah membuka Klinik UTeM-HALUAN yang dirasmikan oleh Dr. Radzuan.

Semua peserta misi kemanusiaan selamat pulang ke Malaysia pada 20 Mac 2014. Jutaan terima kasih kepada dermawan yang telah bermurah hati menyumbang masa, harta dan tenaga dalam menjayakan misi ini.





Hari Pertama



Hari Ke-3



Isi Kandungan Mac & April

- 2 Jalinan Kasih
Pelarian Syria di Bumi Jordan
- 4 UTeM Tawar
Program Ijazah Kejuruteraan
Secara Broad Based
- 5 Portal Web Diktiraf
5 Bintang
Tiga Tahun Berturut
- 6 UTeM Rancang Kerjasama Dengan
Universiti Northern Illinois
Amerika Syarikat
- 7 Hasil Inovasi
Fakulti Kejuruteraan Elektrik
Menyerlah
- 8 Program Rekreasi Bersama
Naib Canselor
Bentuk Warga Kerja Cemerlang
- 9 FTK Terima Kunjungan
Professor Dari University Gumi
- 10 UTeM Moments
- 12 Polis Bantuan UTeM
Rangkul
Anugerah Kecemerlangan
- 13 Fokus Inovasi
- 14 150 Jalani
Kursus Asas Senjata
Dan Latihan Menembak
- 15 MPP Anjur Kempen
Kesedaran Jalanraya
- 15 Kem Jalinan PERSADA
Bentuk Pemimpin
Generasi Baru FELDA
- 16 Kem Jalinan Mesra
Perkasakan Pemimpin
Mahasiswa Kolej Kediaman
- 16 Mahasiswa Ganding Bahu
Jayakan Kempen Derma Darah
- 17 Mahasiswa UTeM
Dalam Kebudayaan
Masyarakat Sumatera Barat
- 18 MPP Bimbing
Pemimpin Muda
Sekolah Kebangsaan Gangsa
- 19 Aktiviti @ UTeM



UTeM TAWAR PROGRAM IJAZAH KEJURUTERAAN *secara* **BROAD-BASED**

19 Mac : UTeM komited memperkasa pendidikan tinggi teknikal ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dengan menawarkan program-program ijazah sarjana muda kejuruteraan secara broad based.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Shahrin Sahib@Sahibuddin berkata, pelaksanaan kurikulum program kejuruteraan secara broad- based merupakan usaha UTeM untuk melahirkan modal insan berkualiti dalam bidang kejuruteraan yang turut menyokong usaha mengarusperdana Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Jelasnya, pemerkasaan program tersebut juga akan memastikan UTeM terus menerajui bidang teknikal dan teknologi negara sekaligus memastikan graduannya menjadi pilihan utama industri diperingkat nasional dan juga global.

“Pelaksanaan program kejuruteraan secara broad-based akan berkuatkuasa mulai sesi pengajian 2014/2015 melibatkan semua pelajar tahun satu program pengajian ijazah sarjana muda kejuruteraan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan

Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan” ujar Dr. Shahrin ketika ditemui.

Sebanyak lima program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang akan ditawarkan oleh UTeM untuk pengambilan sesi 2014/2015.

Menurut beliau lagi, penawaran program tersebut akan dapat memantapkan penguasaan pelajar dalam ilmu kejuruteraan di samping turut menerapkan ciri-ciri kreativiti, inovasi dalam kalangan pelajar.

Pembaharuan itu adalah salah satu usaha UTeM dalam menyediakan program akademik yang relevan dengan keperluan pasaran pekerjaan dan juga memenuhi kehendak jaminan kualiti sekaligus mencerminkan komitmen universiti tersebut memberi tambah nilai dalam keilmuan dan kapasiti negara dalam melahirkan negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi Bahagian Pengurusan Akademik UTeM di talian 06-3316076 / 6077 / 6078 atau melayari www.utem.edu.my.



3 April : Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah dipilih menjadi tuan rumah Mesyuarat Sekretariat Timbalan-Timbalan Naib Canselor/ Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni IPTA yang telah diadakan di Bilik Mesyuarat Senat Kampus Induk Durian Tunggal kelmarin.

Menurut Timbalan Pendaftar Kanan, Zainudin Ahmad berkata, seramai 40 wakil universiti daripada 20 IPTA menghadiri mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh Pengerusi Sekretariat yang juga Timbalan Naib Canselor (HEPA) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah.

Menurutnya lagi, mesyuarat itu antara lain membincangkan isu-isu semasa berkaitan mahasiswa serta menyelaraskan segala aktiviti dan perancangan setiap IPTA terlibat.

Turut hadir ke mesyuarat tersebut, Timbalan Naib Canselor (HEPA) UTeM, Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid serta pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Ketika ditemui, Izaidin menjelaskan bahawa UTeM selaku tuan rumah mesyuarat tersebut telah menyediakan segala keperluan bagi memastikan pertemuan dengan semua Timbalan-timbalan Naib Canselor HEPA berjalan lancar.

“Selaku tuan rumah, UTeM juga tidak ketinggalan mempromosikan negeri Melaka yang kaya dengan pelbagai produk pelancongan dan warisan kebudayaan negara,” jelas Izaidin lagi.

UTeM TUAN RUMAH MESYUARAT TIMBALAN NAIB CANSELOR HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI IPTA



5 Portal Web Diiktiraf Bintang Tiga Tahun Berturut-turut



23 April : Portal rasmi UTeM mencatat sejarah apabila diiktiraf lima bintang oleh Multimedia Development Corporation (MDeC) dalam laporan Penilaian Laman Web dan Portal Kerajaan Tahun 2013 yang dikeluarkan baru-baru ini.

Portal UTeM yang mencapai lima bintang itu melakar rekod tersendiri apabila ianya diiktiraf buat kali ketiga tahun berturut-turut.

Menurut Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, pencapaian lima bintang merupakan hasil usaha berterusan semua pihak di universiti itu dalam memajukan portal tersebut agar menjadi sumber rujukan utama dan berguna kepada ibu bapa, pelajar serta pelawat.

“Sebagai universiti yang sentiasa mendapat perhatian rakan industri dan institusi pengajian tinggi antarabangsa, UTeM sentiasa mengambil berat terhadap fungsi dan kebolehgunaan portal bagi memudahkan setiap urusan dan kemudahan yang boleh diakses pada bila-bila masa dan dari mana jua,” jelas Ahmad Yusoff.

Justeru, katanya lagi, beberapa fungsi dan perkhidmatan atas talian (online services) sentiasa dipantau ditingkatkan dari masa ke semasa bagi memenuhi keperluan pengguna.

Selain menyediakan pelbagai maklumat mengenai fakulti-fakulti dan pusat pembelajaran di UTeM, portal tersebut turut dihubungkan terus ke laman facebook dan twitter bagi memudahkan maklumat disampaikan kepada umum.



UTeM RANCANG KERJASAMA DENGAN UNIVERSITI NORTHERN ILLINOIS AMERIKA SYARIKAT

10 Mac : Fakulti Teknologi Kejuruteraan menyusun strategi meningkatkan kualiti pengajaran dengan merangka program kerjasama strategik bersama Northern Illinois University (NIU) Amerika Syarikat.

Dalam satu perbincangan yang diadakan, pengurusan kanan UTeM diwakili oleh Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, telah bertemu dengan wakil NIU iaitu Dr. Omar Ghrazeb dan Dr. Cliff Mirman untuk mengkaji dan memberi penekanan tentang perancangan kerjasama akreditasi oleh Accreditation Board for Engineering and Technology (ABET).

Menurut Dr. Ahmad Yusoff, beberapa aspek penting dalam perbincangan itu adalah berkisar tentang sistem pembelajaran, peralatan makmal di fakulti serta hubungan industri.

“Perbincangan kerjasama yang diadakan bertumpu kepada penawaran program pasca siswazah dalam bidang teknologi kejuruteraan dan NIU dilihat sangat sesuai menjadi penanda aras bagi Fakulti Teknologi Kejuruteraan,” kata Dr. Ahmad Yusoff.

Sementara itu, bagi Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Prof Madya Mohd Rahimi Yusoff berkata, fakultinya mengorak langkah proaktif meneroka peluang kerjasama dengan institusi luar negara bagi mencapai sasaran yang ditetapkan oleh pihak Kementerian menerusi hubungan strategik bersama NIU.

HASIL INOVASI FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK MENYERLAH DI **i-ENVEX 2014**



Menurut Pensyarah Kanan FKE, Engr. Anuar Mohamed Kassim berkata, fakulti telah menghantar sejumlah 27 produk inovasi untuk dipertandingkan di i-ENVEX 2014.

Sementara itu, produk yang dinamakan “Sensorless Solar Tracker” hasil ciptaan Ezreen Farina Shair bersama kumpulannya berjaya mendapat tempat di hati juri untuk memenangi pingat emas beserta Anugerah Khas.

Jelas Anuar lagi, usaha keras penyelidik fakulti itu telah membuahkan hasil dengan peningkatan pencapaian pingat emas berbanding tahun lepas yang hanya membawa pulang tiga pingat emas.

22 April : Keazaman dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh mahasiswa dan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) yang menyertai International Engineering Invention & Innovation Exhibition 2014 (i-ENVEX 2014) membuahkan hasil memberangsangkan.

lanya setelah penyertaan fakulti berkenaan berjaya merangkul tujuh pingat emas, lima pingat perak dan sepuluh pingat gangsa termasuk satu Anugerah Khas pada pameran yang turut disertai oleh peserta dari Indonesia, Croatia, Filipina, Kazakhstan, Ukraine serta Mesir.

“Tahniah kepada kesemua penyelidik dari FKE di atas kecemerlangan dan kejayaan ini secara tidak langsung menaikkan nama fakulti dan universiti ke peringkat yang lebih tinggi,” kata Anuar ketika ditemui.

i-ENVEX 2014 dianjurkan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dimeriahkan dengan penyertaan terdiri daripada pelajar serta ahli akademik dari pelbagai universiti dan institusi dari dalam dan luar negara.



17 April : Seramai empat orang pelajar negeri ini yang terpilih sebagai calon Tokoh NILAM (Pertandingan Nadi Ilmu Amalan Membaca) telah mengunjungi Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sebagai persediaan akhir menghadapi pemilihan peringkat kebangsaan yang akan berlangsung tidak lama lagi.

Lawatan itu telah diketuai oleh Pegawai Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Melaka (BTPNM) Abu Salehin, guru-guru pengiring serta kesemua pelajar tersebut iaitu Nur Ameerah Aisyah Faizal dari SK Sacred Heard, Goh Yi Ja dari SMK Tun Mutahir, Nurul Syafiqah Dayana Harizan dari SK Bukit Beruang dan Nur Khairunniza Slamet Purwanto dari SMK Seri Tanjung.

Menurut Pengarah Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat (PPKK) UTeM Fazidah Ithnin berkata, lawatan yang dianjurkan oleh BTPNM dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Melaka (JPM) itu juga bertujuan untuk mengembangkan kemahiran dan bakat serta memberi keyakinan kepada para pelajar tersebut sebelum pemilihan peringkat kebangsaan.

Lawatan Tokoh NILAM Ke UTeM, Memperkasakan Budaya Membaca Di Kalangan Generasi Muda

“Lawatan ini adalah kali keempat telah diadakan di UTeM sejak tahun 2011 dan pihak kami amat berbesar hati dan mengalukan kehadiran para pelajar tersebut bagi meningkatkan semangat dan keyakinan diri melalui beberapa aktiviti yang telah dirancang untuk membantu mereka dalam mencapai kejayaan sekaligus memberi galakan dan motivasi” ujarnya.

Sepanjang lawatan para pelajar telah didedahkan dengan teknik komunikasi berkesan, pembentukan pemikiran kreatif serta slot motivasi oleh Dekan Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) Dr. Mariana Yusof yang telah berjaya menyuntik semangat mereka untuk menonjolkan keupayaan diri ketika pertandingan di peringkat kebangsaan kelak. Selain itu, sesi pengucapan awam turut diadakan bagi menaikkan semangat dan keyakinan para pelajar untuk berinteraksi dengan lebih berkesan lagi terutamanya di khalayak ramai.

Sementara itu, menurut Abu Selihan, Tokoh NILAM merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bertujuan untuk menyemarakkan dan memartabatkan tabiat membaca dikalangan generasi muda terutamanya para pelajar dan pihaknya turut merakamkan ucapan terima kasih kepada UTeM yang telah menunjukkan komitmen tinggi dalam menjayakan lawatan tersebut.



PROGRAM REKREASI BERSAMA NAIB CANSOLOR BENTUK WARGA KERJA CEMERLANG

9 April : Seramai 200 orang kakitangan UTeM mengikuti Program Rekreasi Bersama Naib Canselor di Kompleks Sukan Kampus Induk semalam.

Peserta terdiri daripada kakitangan Pejabat Canselori, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Pejabat Bendahari dan Pusat Pengajian Siswazah (PPS) bersama Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan menjalankan aktiviti membina kecergasan di stadium universiti itu.

Menurut Ketua Pusat Sukan UTeM, Dr. Asiah Mohd Pilus berkata, program anjuran Pusat Sukan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) diadakan secara bergilir meliputi setiap fakulti dan jabatan bagi menggalakkan gaya hidup sihat dengan melakukan aktiviti riadah.

Jelasnya lagi, program yang diatur bertujuan mempromosikan aktiviti riadah serta menanam minat dalam kalangan staf untuk bergiat cergas dalam sukan seterusnya melahirkan warga universiti yang sihat.

Dr. Ahmad Yusoff yang ditemui dalam program itu melahirkan rasa gembira di atas sambutan ditunjukkan oleh semua pihak untuk menjayakan program tersebut.

“Diharapkan penganjuran program ini akan dapat membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan staf serta ahli keluarga agar sentiasa cergas dan aktif setiap masa,” kata Ahmad Yusoff ketika ditemui di akhir program.



FTK TERIMA KUNJUNGAN PROFESSOR DARI UNIVERSITY GUMI KOREA SELATAN



10 Mac : Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah menerima kunjungan Prof. Kwang Wook Jung dari Universiti Gumi, Korea Selatan untuk mengadakan pertemuan dengan pihak pengurusan fakulti dan ahli-ahli akademik di sini.

Menurut Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff berkata, tujuan utama kunjungan Prof. Jung ke UTeM adalah untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman beliau dalam bidang Kejuruteraan Elektronik Telekomunikasi bersama-sama pengajar dan juga pelajar.

Jelasnya, kehadiran Prof. Jung ke fakulti itu juga adalah untuk melihat dengan lebih dekat silibus bagi kursus Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan di samping menilai tahap kerjasama dalam bidang penyelidikan di antara UTeM dan University Gumi.

"Secara umum beliau (Prof. Jung) menyatakan keyakinan positif bahawa FTK berada di landasan yang betul dan kerjasama antara universiti boleh ditingkatkan memandangkan fasiliti yang baik dan makmal berteknologi terkini serta staf terdiri daripada tenaga pengajar berpengalaman luas dalam bidang industri," kata Rahimi.

Prof. Jung turut mengadakan perbincangan dengan staf mengenai peluang menyambung pelajaran di peringkat sarjana dan doktor falsafah di universiti-universiti di Korea Selatan.

Kata Rahimi lagi, hubungan erat yang terjalin dengan University Gumi adalah selaras dengan matlamat FTK dan UTeM untuk muncul sebagai sebuah pusat pengajian cemerlang dan tersohor di samping mengantarabangsakan pendidikan berteraskan teknikal.

UTeM Moments



Program PERINTIS FTMK & PSTP
4-7 April 2014



Majlis Tamat Latihan Polis Bantuan
26 April 2014





Program Ammar Dalam Kenangan
6 Mac 2014



Lawatan Delegasi Sudan
21 April 2014



POLIS BANTUAN UTeM

Rangkul

ANUGERAH KECEMERLANGAN

1 April : Dua anggota Polis Bantuan UTeM menerima anugerah Polis Bantuan Cemerlang sempena Sambutan Peringatan Hari Polis ke-207 tahun yang berlangsung di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka di Bukit Beruang.

Anggota Polis Bantuan UTeM tersebut Inspektor Saharuddin Shrif dan Sarjan/PB Roslan Saat masing-masing menerima sijil penghargaan disampaikan oleh Timbalan Ketua Polis Melaka, SAC Dato' Shah Gzali Khan Shahadad di hadapan tetamu dan jemputan yang menyaksikan perbarisan sempena sambutan Hari Polis di IPK Melaka.

Menurut Pengarah Pejabat Keselamatan UTeM, DSP/PB Affindi Abu Bakar yang ditemui di majlis itu berkata, kedua-dua anggota tersebut telah mempamerkan prestasi cemerlang sewaktu Eksesais Temuduga Polis Bantuan Cemerlang 2014 yang diadakan baru-baru ini.

"Hasil temuduga tersebut, kedua-dua anggota berjaya meraih gelaran Polis Bantuan Cemerlang dan pencapaian ini sangat membanggakan seluruh warga UTeM," kata Affindi.

Sementara itu, Saharuddin ketika ditemui di akhir majlis berkata, anugerah tersebut menjadi perangsang kepadanya untuk terus memberi perkhidmatan terbaik di samping menjadi contoh kepada anggota baru Polis Bantuan UTeM.

Manakala bagi Roslan, pencapaian itu sangat bermakna kepada dirinya dan beliau turut bertekad untuk mengekalkan prestasi tersebut pada masa akan datang.

Hadir sama pada majlis itu, Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang juga Komandan Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) UTeM.



UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

*Always A Pioneer,
Always Ahead*





Zamani Bin Md Sani

SMART FAN CONTROLLER (SMAFAC)

Project description

With the issue on the hike for the electricity tariff, an affordable, small, sleek and easy to be installed controller design, Smart Fan Controller (SMAFAC) is designed to be paired with all normal ceiling and table fan to turn it into an automated fan to be operational with the sense of the room temperature. With the gradually temperature decrease in a room especially from night till morning, the potential of power saving mode can be used where the speed of the blade will be decreased from speed 5 (max) till 1 (min) automatically based on the temperature table set by the user. With the product, the maximum saving per ceiling fan is at RM2.40 and the min is at RM0.70 based on the calculation from 9pm to 9am. Other than that, the product also has other function such as the PIR sensor to sense human in order to auto shut down when there is no one inside the room.

Current Problem/background



Appliance	Percentage
Peti sejuk	25%
Penggunaan udara	15%
Kipas	10%
Lampu	8%
TV	8%
Meja basah	7%
Perkak elektrik	7%
Lain-lain	20%



Electricity rates increases every few years with fan contribute at 10% from the home appliances power usage.

The home normal fan does not optimize based on the temperature setting.

Normal AC ceiling fan's technology is still using manual switching method to control its speed thus the power is wasted especially in night time due to lower optimization

Method



Novelty & Inventiveness

- A low cost controller designed to be working with all normal home AC fans.
- Indirectly saving the power consumption thus contribute to as the green product.

Product Features /capabilities

- Small, portable, sleek design and easy for installation.

Status Of Invention

- Ready for commercialization
- Potential joint venture with home domestic fan manufacturer.

Contact:
Zamani Md Sani (zamani@utem.edu.my)
Centre For Research & Innovation Management (CRIM)
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM),
Hang Tuah Jaya, Durian Tunggal 76100 Melaka.
Tel (hp) +6012-4441356, Tel (office) +604-555 2382

Smart Fan Controller (SMAFAC)

Smart Fan Controller (SMAFAC) direka khas bagi menjimatkan penggunaan elektrik kepada pengguna. Secara amnya, kipas siling ataupun kipas meja menggunakan kaedah manual untuk mengawal kelajuan. Oleh yang demikian pembaziran tenaga berlaku terutama pada waktu malam apabila suhu bilik semakin sejuk dan apabila bilik ditinggalkan tanpa penghuni.


Untuk mengatasi masalah ini, penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Zamani Md Sani telah mencipta SMAFAC yang boleh

dipadankan dengan semua kipas siling dan kipas meja biasa di mana ia beroperasi dengan automatik mengikut suhu bilik.

Dengan penurunan suhu secara beransur-ansur di dalam bilik terutamanya pada waktu malam hingga pagi, potensi mod penjimatan kuasa boleh digunakan di mana kelajuan akan berkurangan daripada kelajuan 5 (maksima) hingga 1 (minima) secara automatik berdasarkan suhu yang ditetapkan oleh pengguna.

Menurut Zamani, produk itu juga berfungsi dengan 'auto sensor' untuk mengesan kehadiran pengguna dan melakukan penutupan automatik apabila tiada orang di dalam bilik.

Jelasnya lagi, produk tersebut berupaya menjimatkan penggunaan kuasa serta menyumbang pembangunan teknologi hijau. Beliau turut mengalu-alukan mana pihak khususnya industri yang berminat untuk mengkomersilkan produk itu.



150 JALANI KURSUS ASAS SENJATA DAN LATIHAN MENEMBAK KOR SUKSIS

11 Mac : Seramai 150 anggota Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) UTeM telah mengikuti kursus asas senjata dan latihan menembak yang diadakan di lapang sasaran Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka di Bukit Beruang.

Latihan tersebut melibatkan penggunaan senjata Colt M-16 dan pistol Smith & Wesson melalui bimbingan jurulatih-jurulatih dari IPK Melaka dan pegawai Kor SUKSIS UTeM.

Menurut Pegawai Penyelaras Kor Suksis UTeM, ASP Balachandran Palaniandy ketika ditemui berkata, latihan tersebut memberi pendedahan kepada anggota berkaitan spesifikasi teknikal senjata, komponen-komponen utama, keupayaan senjata serta prosedur pengendalian senjata.

“Turut diberi perhatian khusus pada sesi latihan ialah langkah-langkah keselamatan yang perlu dipatuhi oleh setiap anggota bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini,” jelas Balachandran.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang juga Komandan Kor SUKSIS UTeM turut hadir mengikuti latihan tersebut.

Beliau yang sempat ditemui berkata, Kor SUKSIS merupakan badan beruniform yang telah melahirkan graduan bersahsiah tinggi di samping memberi pendedahan terhadap fungsi dan tugas polis serta berpeluang menjawat jawatan dalam Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

Ahmad Yusoff turut melahirkan penghargaan kepada IPK Melaka di atas jalinan kerjasama erat khususnya dalam melatih dan memberi tunjuk ajar kepada anggota Kor SUKSIS UTeM.

MPP ANJUR KEMPEN KESEDARAN JALANRAYA

6 Mac : Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka telah mengadakan Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya di Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut Pengarah Program, Muhammad Noor Rushdan Abdullah berkata, program itu dianjurkan bagi menghebahkan peraturan keselamatan jalan raya yang patut dipatuhi mahasiswa semasa berada di dalam atau di luar kampus.

Majlis perasmian kempen telah disempurnakan oleh Timbalan Exco Kerja Raya, Kemudahan Awam, Pengangkutan dan Pemulihan Projek, YB Zaidi Attan.

Hadir sama ke majlis tersebut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid, Timbalan Pendaftar Kanan (HEPA) Zainudin Ahmad serta Yang DiPertua MPP Muhammad Nur A'dnan Abu Bakar.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang kempen tersebut adalah ceramah keselamatan jalanraya oleh MKJR, pameran oleh PDRM, JPJ dan JKJR, kempen derma darah serta konvoi ke Rumah Orang Tua Cheng dan kolej-kolej kediaman UTeM.

Rushdan ketika ditemui pada majlis tersebut mengharapkan program itu dapat memberi manfaat kepada mahasiswa UTeM khususnya untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.



KEM JALINAN PERSADA BENTUK PEMIMPIN GENERASI BARU FELDA

4 April : Sekretariat Pemuafakatan Siswa/Siswi FELDA (Persada) UTeM telah menganjurkan Kem Jalinan Persada di Berhulu Camp Simpang Pertang, Negeri Sembilan berakhir kelmarin.

Menurut pengarah program, Azwan Muhamad berkata, Kem Jalinan Persada dianjurkan bagi mengenalpasti calon-calon berwibawa untuk diserapkan ke dalam ahli jawatankuasa Persada UTeM di samping dapat memberikan manfaat dan impak positif kepada peserta.

"Melalui kem yang dianjurkan, peserta dibimbing agar sentiasa menanam semangat perpaduan, permuafakatan dan interaksi sosial antara satu sama lain," kata Azwan.

Jelasnya lagi, pengisian program itu bertumpu kepada kepimpinan, kerja berpasukan dan kecintaan alam sekitar melibatkan pelbagai aktiviti bina pasukan, kreativiti dan kepimpinan.

Seramai 40 orang peserta telah menyertai program itu dan sebilangan calon telah dikenalpasti bagi mengisi jawatankuasa Persada UTeM.

Diharapkan melalui program yang dianjurkan, pemimpin generasi baru bagi warga FELDA dapat diketengahkan seterusnya berupaya menjadi pelapis kepada kepimpinan negara pada masa hadapan, katanya lagi.



Kem Jalinan Mesra Perkasakan Pemimpin Mahasiswa Kolej Kediaman



11 Mac : Usaha membentuk mahasiswa berkepimpinan dan berkepercayaan tinggi diteruskan oleh Jawatankuasa Kolej Kediaman Murni, D'Apartment & Makmur dengan penganjuran program Kem Jalinan Mesra Jawatankuasa Kolej Kediaman Siswa-Siswi (JAKSIS) Kolej Kediaman UTeM yang telah berlangsung baru-baru ini di Taman Seribu Bunga, Ayer Keroh.

Menurut Pengetua Kolej Kediaman Murni, Al Amin Mohamed Sultan berkata, program yang dianjurkan bertujuan menggilap serta memperkukuhkan ukhwah antara ahli jawatankuasa Kolej Kediaman UTeM.

Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program itu adalah Eksplorace, sesi pertukaran idea serta sesi perkongsian bersama ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Felo Kolej Kediaman Murni.

“Program bina pasukan yang dianjurkan menyuntik elemen positif dalam kalangan peserta agar berkemampuan memimpin mahasiswa ke arah kecemerlangan secara menyeluruh,” kata Al Amin.

Sementara itu, bagi Pengarah program, Ahmad Syakir Mat Ali ketika ditemui menyifatkan program tersebut bertindak sebagai platform terbaik bagi melahirkan mahasiswa berkualiti khususnya aspek kepimpinan.

Ahmad Syakir turut berharap agar peserta Kem Jalinan Mesra akan dapat menabur bakti dan berkhidmat dengan amanah bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan warga kolej kediaman sentiasa terpelihara di samping menganjurkan pelbagai aktiviti untuk manfaat bersama.

MAHASISWA GANDING BAHU JAYAKAN KEMPEN DERMA DARAH “UNITE TO SERVE”

1 April : Kelab Rakan 1Malaysia UTeM terus melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dengan menganjurkan Kempen Derma Darah “Unite To Serve” di bangunan Pusat Persatuan Pelajar, Kampus Induk Durian Tunggal hari ini.

Menurut Presiden Kelab Rakan 1Malaysia UTeM, Ali Nabil Abdul Karim berkata, kempen “Unite To Serve” diadakan serentak di seluruh negara melibatkan golongan mahasiswa dan remaja berganding bahu menderma darah bagi meningkatkan bekalan darah di pusat-pusat Tabung Darah.

“Program yang dianjurkan bertujuan meningkatkan kesedaran warga UTeM tentang kepentingan membantu menyelamatkan nyawa pesakit dan mendapatkan maklumat tepat berkaitan kebaikan menderma darah,” jelas beliau lagi.

“Kempen pada hari ini mendapat sambutan menggalakkan daripada warga UTeM terutama sekali mahasiswa di samping kehadiran staf dari pelbagai jabatan yang turut menyokong usaha murni ini,” kata beliau.

Sehingga lewat petang, sebanyak 150 beg darah berjaya dikumpulkan dan Kelab Rakan 1Malaysia bercadang untuk menganjurkan kempen itu dari masa ke semasa bagi meningkatkan bekalan Unit Tabung Darah Hospital Melaka.



MAHASISWA UTeM DALAMI KEBUDAYAAN MASYARAKAT SUMATERA BARAT

5 Mac : Seramai 25 orang mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengikuti Program Siswa Turun Ke Desa di Kampung Lubuak Batingkok, Payakumbuh, Padang Indonesia baru-baru ini.

Program tersebut anjuran Sekretariat Anak Melaka (SAM) UTeM dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka dan Kabupaten Lima Puluh Kota Sumatera Barat.

Menurut Pengarah Program, Ifwadi Aufa Elidor berkata, program tersebut dianjurkan bertujuan untuk mengenal dan mendalami budaya masyarakat Minang di Sumatera Barat.

“Secara tidak langsung, program ini dapat mengukuhkan hubungan antara dua negara, membentuk sahsiah dan keperibadian mahasiswa dengan nilai-nilai murni yang boleh dipelajari daripada masyarakat setempat serta memperkenalkan UTeM di peringkat antarabangsa,” kata Ifwadi ketika ditemui.

Jelasnya lagi, aktiviti yang diadakan adalah seperti program anak angkat, sukan tradisional bersama penduduk, jelajah Payakumbuh serta melawat industri penternakan ayam terbesar di daerah tersebut.



Turut diadakan malam kesenian masyarakat Minangkabau di mana pelajar dipersembahkan dengan kebudayaan, persembahan caklempong serta adat perkahwinan masyarakat Minang.

Beliau mengharapkan dengan adanya program itu, mahasiswa dapat mempelajari cara hidup dan kepelbagaian budaya masyarakat Indonesia serta dapat membentuk semangat kerja berpasukan selain itu mempunyai kemahiran berkomunikasi.

PEMIMPIN PELAJAR UTeM LAWAT

KOREA SELATAN

27 Mac : Seramai 22 pemimpin pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan program pertukaran budaya kepimpinan di Korea Selatan.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Profesor Madya Dr. Izaidin Abdul Majid yang mengetuai delegasi tersebut berkata, program itu bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar dalam mengetahui perbezaan budaya masyarakat Korea Selatan merangkumi aspek kehidupan, amalan, adat resam dan kepercayaan.

“Objektif kita ke Korea Selatan adalah bagi mengeratkan hubungan dan kerjasama antara Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM dengan pemimpin pelajar negara tersebut sekaligus mewujudkan jaringan kerjasama antarabangsa di antara pelajar UTeM dan pelajar luar negara” ujarnya.



Jelas beliau lagi, lawatan itu juga bertujuan mewujudkan intergrasi antarabangsa dan melihat pencapaian dan perkembangan universiti di negara tersebut terutamanya dalam bidang teknologi dan kejuruteraan.

Semasa berada di negara tersebut, delegasi UTeM telah dibawa melawat ke Korea Advanced Institute of Science & Technology (KAIST) dan Yongsei University bagi meninjau kemudahan pelajar seterusnya mengadakan perbincangan bersama pemimpin pelajar di kedua-dua universiti berkenaan. Selain itu mereka juga berkesempatan untuk melawat Digital Pavillion dan Samsung Group serta mengadakan perbincangan bersama pihak Kedutaan Besar Malaysia di sana.

Bagi Pengarah Program Tayalan a/l Manohara berkata, lawatan ini merupakan platform terbaik kepada para pelajar untuk menimba ilmu dan pengalaman selain dapat mempromosikan UTeM dan juga negeri Melaka Bandaraya Warisan Dunia sepanjang berada di sana.



MPP BIMBING PEMIMPIN MUDA SEKOLAH KEBANGSAAN GANGSA

18 Mac : Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTaM dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan Gangsa Durian Tunggal telah menganjurkan Kursus Kepimpinan Pengawas/Pengawas Muda di Kolej Kediaman Lestari Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut Exco Kepimpinan, Komunikasi dan Pembangunan Sahsiah, Nurul Hamidah Mohamed, program itu bertujuan mendekatkan MPP dengan murid sekolah tersebut melalui pelaksanaan pelbagai aktiviti yang dirancang serta memperkenalkan nama UTaM.

Antara program yang telah dijalankan ialah Latihan Dalam Kumpulan (LDK), permainan bercorak kepimpinan, motivasi, aktiviti luar dan aktiviti pembinaan pasukan serta ceramah oleh mantan Yang DiPertua MPP Muhammad Nur Rusdan Abdullah.

Jelasnya lagi, program ini juga dapat membantu kepada pembentukan disiplin dan juga membina ketrampilan diri murid terutamanya yang dilantik sebagai pengawas selain dapat melahirkan seorang pemimpin muda yang berdedikasi serta amanah.



AKTIVITI@UTeM



**4th World Congress on
Information and
Communication Technologies**



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Organised by:
Faculty of Manufacturing Engineering
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Supported by:



**3rd International Conference on
Design and Concurrent Engineering
IDECON 2014**

http://idecon2014.utem.edu.my

**Theme:
Emerging Technologies Towards Sustainable Manufacturing
22 - 23 September 2014 | Avillion Legacy Hotel Melaka, Malaysia**



ISORIS'14
International Symposium on Research in
Innovation and Sustainability 2014

"Innovative Solutions Towards Sustainability"

October, 15-16, 2014,
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM),
Malaysia.

10 - 11 November 2014 | UTeM

ucet2014
EMPOWERING INNOVATION CULTURE
IN PIONEERING FUTURE TECHNOLOGY



Call for Paper
Submission
11 May 2014



Organized by:
UTeM

Supported by:
MOSTI
NATIONAL OCEANOGRAPHY
INSTITUTE

**THE 5TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON UNDERWATER SYSTEM
TECHNOLOGY : THEORY AND APPLICATIONS (USYS'14)**

DECEMBER 3-4 2014 @AVILLION LEGACY MELAKA HOTEL

USYS'14 "Underwater Technologies: Bringing the past to the surface"

Sidang Editorial Mac & April

Ketua Editor

Fazidah Ithnin



Wartawan

Zulfatria Abdullah



Bob Faizeli Mohamed Din



Reka Bentuk Grafik

Aziza Md Buang



Suria Abdul Rahman



Jurufoto

Md. Nor Mohamad Saleh



Asri Abu



Nurulidayu Talib



Mohd Farid Supangi



Pengedaran

Mohamad Haffize Rarnli



Mohammad Taufik Osman



media sosial @ UTeM



utem.edu.my



MyUTeM



UTeM_my



utem_moments



Videoutem